

29/01/1998

Tindakan menyimpan pengaruhi BLR: PM

Kamal Ahmad; Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan kemungkinan berlakunya peningkatan kadar faedah bank jika penyimpan mengeluarkan wang daripada bank tempatan dan memasukkannya pula ke dalam bank asing.

Perdana Menteri berkata, tindakan menyimpan mengeluarkan wang daripada bank tempatan dan memasukkannya ke dalam bank asing akan menyebabkan kadar faedah meningkat.

"Bank tempatan terpaksa meminjam daripada bank asing apabila penyimpan masing-masing mengeluarkan simpanan dan menyimpannya dalam bank asing."

"Inilah masalahnya... apabila orang mengeluarkan wang mereka daripada bank kita dan menyimpan dalam bank asing, maka bank tempatan terpaksa meminjam daripada bank asing. Sebab itu faedahnya berganda," katanya.

Menurut Perdana Menteri jika penyimpan terus menyimpan wang mereka dalam bank dan tidak mengeluarkannya, kos untuk mendapatkan wang itu adalah lebih rendah.

"Masalahnya sekarang kos untuk mendapatkan wang itu bukan kadar faedah. Kadar faedah cukup rendah."

"Kadar Pinjaman Asas (BLR) adalah rendah tetapi orang mengeluarkan wang daripada bank Malaysia dan menyimpannya dalam bank asing. Apabila kita mahu meminjam, bank Malaysia terpaksa meminjam daripada bank asing. Oleh itu, sudah tentu kadar faedahnya tinggi," katanya sebagai mengulas kenaikan BLR.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka MCA sempena Tahun Baru Cina di Bangunan MCA di sini, pagi ini.

Mengenai Berjaya Capital Berhad (B-Capital) yang akan menjual keseluruhan ekuitinya berjumlah 68.983 peratus dalam anak syarikat insurans, Berjaya Prudential Assurance Berhad (B-Prudential) kepada tiga pihak dengan harga RM722.715 juta dalam satu urusan niaga yang akan menambah rizab asing negara, Dr Mahathir berkata:

"Itu adalah keputusan komersil. Ia tidak ada kena mengena dengan kerajaan. Saya fikir ia dilakukan demi kepentingan syarikat mereka. Jadi, kami tidak ada komen."

The Prudential Assurance Company Limited (PACL) dari United Kingdom adalah satu pihak daripada pembeli ekuiti B-Prudential.

Ditanya sama perkembangan itu sebagai satu dasar baru dengan membenarkan syarikat asing memegang lebih 50 peratus ekuiti dalam sektor insurans tempatan, beliau berkata:

"Itu kena tanya Menteri Kewangan sama ada ia dasar atau tidak. Tetapi ketika ini kita tahu, kita dah bersetuju melalui Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) iaitu syarikat asing boleh menguasai insurans setakat 51 peratus. Jadi, ini tepat dengan persetujuan kita," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri berkata, Malaysia berkemungkinan dapat menduduki semula kerusi anggota sementara Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Kita nampak dapat banyak sokongan. Kemungkinan kita dapat kerusi itu," katanya sambil memberitahu Malaysia memang berminat menganggotai majlis berkenaan kerana melaluinya wakil negara berpeluang menyuarakan pendapat secara bebas.

Mengenai saranan supaya beliau menduduki mengisi jawatan Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Dr Mahathir berkata: "Kita belum buat keputusan apa-apa. Belum timbang lagi."

Menurutnya, selepas Colombia, giliran mengisi kerusi itu ialah Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela.

"Selepas itu baru kita... lambat lagi," katanya.

(END)